

SULIT
1249/1
Sejarah
Kertas 1
Ogos
2025
1 jam



1249/1

**MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2025**

SEJARAH

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

1 Apakah fungsi raja dalam kerajaan Alam Melayu?

- A Mengetuai kerajaan
- B Membekalkan tentera
- C Mengawal keselamatan
- D Melaksanakan hukuman

2 Apakah yang membuktikan Kesultanan Melayu Melaka sebuah kerajaan berdaulat?

- I Mempunyai pelabuhan persinggahan
- II Meluaskan kuasa ke Selatan Myanmar
- III Mendapat pengiktirafan Dinasti Ming
- IV Menerima utusan kerajaan luar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Maklumat berikut berkaitan akhbar yang digunakan oleh golongan nasionalis di Vietnam pada awal abad ke-20.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Tribune Indige• Cloche Felee |
|---|

Apakah isu yang dibangkitkan dalam akhbar tersebut?

- I Mempertahankan bahasa ibunda
- II Mengkritik penindasan penjajah
- III Menuntut hak rakyat tempatan
- IV Menubuhkan pusat keilmuwan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 4 Apakah sumbangan tokoh berikut dalam perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke-20?



Ibrahim Haji Yaakob

- A Membina madrasah
 - B Menganjurkan kongres
 - C Menubuhkan persatuan
 - D Mengumpul dana
- 5 Mengapakah kesedaran berpolitik tidak boleh disebarluaskan secara terang-terangan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua?
- A Peruntukan kewangan terhad
 - B Pengenalan undang-undang
 - C Perubahan dasar politik
 - D Perhubungan terbatas
- 6 Maklumat berikut berkaitan kemuncak krisis di rantau Balkan.

Archduke Ferdinand dan isterinya Sophie dibunuh oleh seorang pemuda Serbia pada Jun 1914

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Mencetuskan peperangan
- B Meruntuhkan sistem imperialisme
- C Menamatkan pemerintahan republik
- D Mewujudkan fahaman baharu

[Lihat halaman sebelah

7 Bagaimanakah golongan wanita menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1947?

- A Mengadakan referendum
- B Menerbitkan akhbar
- C Menyertai demonstrasi
- D Membentuk pakatan sulit

8 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di Sabah selepas Perang Dunia Kedua.

Sabah diserahkan kepada kerajaan British pada 15 Julai 1946

Mengapakah penduduk tempatan tidak membantah penyerahan tersebut?

- A Mendapat peluang kenaikan pangkat
- B Menerima kuasa autonomi
- C Menikmati peluang pendidikan
- D Memperoleh hak berkerajaan sendiri

9 Apakah faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948?

- A Mewujudkan kewarganegaraan yang sama
- B Memenuhi tuntutan penduduk tempatan
- C Menyeimbangkan komposisi kaum
- D Membendung ancaman komunis

10 Maklumat berikut berkaitan kaedah memperoleh kewarganegaraan berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

X
• Bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya • Bertingkah laku baik

Apakah X?

- A Kuat kuasa undang-undang
- B Percantuman wilayah
- C Naturalisasi
- D Pendaftaran

- 11 Dialog berikut mungkin berlaku dalam Pasukan Cawangan Khas semasa darurat di negara kita.

Pengarah : Kita perlu merancang strategi untuk memerangi anggota komunis kerana mereka telah mengancam kedaulatan negara kita

Pegawai : Baik Tuan!

Apakah strategi yang akan digunakan?

- A Melakukan penyamaran
 - B Mengawal lombong
 - C Mengesan markas operasi
 - D Menyekat bekalan makanan
- 12 Apakah kesan zaman darurat dari aspek sosioekonomi kepada penduduk di Tanah Melayu pada tahun 1960?
- A Hubungan kaum renggang
 - B Jumlah imigran berkurangan
 - C Perkhidmatan penerangan terjejas
 - D Kebebasan bersuara terhad
- 13 Maklumat berikut berkaitan objektif penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) pada tahun 1949.

- Mengkaji hubungan kaum
- Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah

Bagaimanakah objektif tersebut dapat dicapai?

- A Memberi latihan pentadbiran
- B Mencadangkan pendidikan seragam
- C Mengetatkan syarat kewarganegaraan
- D Membuka petempatan baharu

[Lihat halaman sebelah

14 Apakah cadangan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 yang menjadi teras sistem pendidikan kebangsaan?

- A Menawarkan biasiswa pengajian
- B Menggunakan bahasa kebangsaan
- C Memantapkan pendidikan sivik
- D Menekankan kursus kemahiran

15 Apakah syarat untuk menjadi pengundi dalam pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?

- I Berumur 21 tahun ke atas
- II Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- III Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris
- IV Menetap dalam tempoh 12 bulan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955?

- A Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan
- B Mengesahkan pelantikan pemimpin masyarakat
- C Mencadangkan anugerah bintang kehormat
- D Meluluskan belanjawan negara

- 17 Gambar berikut menunjukkan perarakan Tunku Abdul Rahman di Bandar Hilir Melaka pada 20 Februari 1956.




- Mengapakah perarakan tersebut penting kepada sejarah negara kita?
- A Penurunan bendera Union Jack
 - B Pengumuman tarikh kemerdekaan
 - C Penghebahan keputusan pilihan raya
 - D Pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan
- 18 Apakah terma rujukan Suruhanjaya Reid dalam menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Melindungi hak asasi manusia
 - B Menetapkan pendirian dasar luar negara
 - C Mewujudkan satu bentuk kewarganegaraan
 - D Mengekalkan kuasa mutlak raja
- 19 Apakah peranan Jawatankuasa Sambutan untuk menjayakan upacara pemasyhuran kemerdekaan negara?
- A Menganjurkan kursus protokol
 - B Membina Stadium Merdeka
 - C Mencipta lagu Negaraku
 - D Melaksanakan kutipan derma

[Lihat halaman sebelah



- 20 Gambar berikut menunjukkan lambang kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) pada tahun 1957.



Apakah kepentingan lambang tersebut?

- A Menjamin keadilan sosial
 - B Membentuk jati diri bangsa
 - C Mengekalkan kelestarian alam
 - D Meraikan kepelbagaian budaya
- 21 Mengapakah kerajaan melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi selepas negara mencapai kemerdekaan?
- A Mengawal nilai mata wang
 - B Menguasai laluan perdagangan
 - C Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - D Melahirkan generasi berkemahiran
- 22 Pilih padanan yang **betul** berkaitan peranan pemerintah dan rakyat dalam mengukuhkan pertahanan negara.

	Pemerintah	Rakyat
A	Merangka program kemerdekaan	Menghargai tokoh pejuang
B	Mewujudkan pentadbiran cekap	Mematuhi undang-undang
C	Mengelakkan amalan rasuah	Menyokong dasar kerajaan
D	Memodenkan aset ketenteraan	Menganggotai pasukan keselamatan

- 23 Maklumat berikut merupakan undang-undang yang menjadi asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan.

- Hukum Kanun Melaka
- Charter of Justice

Apakah matlamat pelaksanaan undang-undang tersebut?

- I Mengukuhkan pengasingan kuasa
- II Menjadi panduan pemerintah
- III Melindungi penduduk asal
- IV Memantapkan keperibadian bangsa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 24 Mengapakah berlaku pindaan Perlembagaan pada 7 Ogos 1965?

- A Pemisahan wilayah Singapura
- B Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
- C Pelantikan jawatan Yang di-Pertua Negeri
- D Penyelesaian krisis politik di Sarawak

- 25 Bagaimanakah Majlis Raja-Raja melaksanakan fungsinya berdasarkan Perlembagaan Persekutuan?

- A Memperkenankan perubahan sempadan
- B Meluluskan perbelanjaan negara
- C Menyemak dasar kerajaan
- D Melantik diplomat asing

[Lihat halaman sebelah

- 26 Apakah peranan badan kehakiman (judisiari) dalam sistem pentadbiran negara?
- A Menasihati Lembaga Pengampunan
 - B Melantik jawatan utama kementerian
 - C Menetapkan dasar pembangunan kerajaan
 - D Menyelesaikan konflik antara Negeri dan Persekutuan
- 27 Mengapakah perjanjian penstrukturan semula Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927 ditandatangani?
- A Mengurangkan peranan kerajaan pusat
 - B Mengukuhkan kedudukan British
 - C Memansuhkan konsep kesatuan
 - D Menetapkan kuasa Residen Jeneral
- 28 Majlis berikut ditubuhkan bagi menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Majlis Kewangan Negara

Apakah bidang kuasa majlis tersebut?

- I Mengeluarkan lesen penjaja
- II Menyalurkan pinjaman
- III Menguruskan pembayaran cukai
- IV Membangunkan perumahan awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Maklumat berkaitan idea penyatuan wilayah selepas Perang Dunia Kedua.

Pegawai British	Idea
Sir Geofroy Tory	Menyatukan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura

Mengapakah idea tersebut dikemukakan?

- A Membangunkan infrastruktur
- B Memenuhi desakan pelabur
- C Kepentingan ekonomi
- D Keamanan serantau

30 Mengapakah pemimpin berikut menentang cadangan pembentukan Malaysia?

Pemimpin	Parti Politik
A.M. Azahari	Parti Rakyat Brunei

- A Menjejaskan peluang kemerdekaan
- B Memonopoli pasaran serantau
- C Mengubah bentuk demografi
- D Memelihara kepentingan ekonomi

31 Mengapakah rusuhan kaum berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964?

- A Peluang pekerjaan terhad
- B Menolak institusi beraja
- C Menuntut hak sama rata
- D Peningkatan inflasi

32 Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan untuk mengawal ketenteraman negara selepas peristiwa 13 Mei 1969.

Apakah peranan majlis tersebut?

- A Mengisytiharkan kawasan putih
- B Menggantung penerbitan akhbar
- C Memajukan perkhidmatan penerangan
- D Menambah baik kemudahan kesihatan

[Lihat halaman sebelah

33 Bagaimanakah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memartabatkan bahasa Melayu di negara kita?

- A Menerbitkan bahan bacaan
- B Mengesahkan dokumen rasmi
- C Menyimpan manuskrip kerajaan
- D Menyediakan guru terlatih

34 Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan untuk mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional di negara kita.

Tarikh	15 April 2017
Tempat	Universiti Kebangsaan Malaysia
Peristiwa	Kongres Kebudayaan Kebangsaan Kali Kedua

Apakah keputusan yang dicapai dalam kongres tersebut?

- A Melancarkan kempen Bahasa Jiwa Bangsa
- B Menggubal Akta Pendidikan Kebangsaan
- C Mengajukan Citrawarna Malaysia
- D Mengukuhkan Rukun Negara

35 Agensi berikut terlibat dalam rancangan pembangunan wilayah di negara kita.



Apakah peranan agensi tersebut?

- A Menyediakan bantuan pemasaran
- B Memajukan kegiatan koperasi
- C Meneroka kawasan tanah baharu
- D Memperkenalkan konsep pertanian pintar

36 Gambar berikut merujuk tokoh bumiputera di negara kita.



Tan Sri Azman Hashim
Tokoh Perbankan




Tan Sri Mustapha Kamal
Tokoh Hartanah

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Mengembangkan industri desa
- B Membuka peluang pekerjaan
- C Menyalurkan bantuan subsidi
- D Memelihara kesenian tempatan

37 Rajah berikut merujuk kepada perubahan dasar luar Malaysia pada tahun 1970-an.



Perubahan tersebut berlaku disebabkan oleh

- A Perisytiharan Lusaka
- B Protokol Kyoto
- C Perang Dingin
- D Perjanjian AFTA

[Lihat halaman sebelah

38 Antara berikut yang manakah sumbangan Malaysia sebagai negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)?

- I Penglibatan pasukan pengaman
- II Pengantara konflik perkauman
- III Penubuhan institusi perbankan
- IV Pembinaan universiti antarabangsa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berhasrat menjadikan dunia bebas fenomena Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) menjelang tahun 2030. Bagaimanakah Malaysia menyokong hasrat tersebut?

- A Mengawal pintu sempadan
- B Pemeriksaan kesihatan berterusan
- C Menghadkan kadar kelahiran
- D Pemberian vaksin percuma

40 Maklumat berikut berkaitan isu keselamatan makanan yang dikeluarkan oleh United Nations' Committee (UNC).

- Bencana alam
- Bekalan barangan terhad

Bagaimanakah persediaan negara-negara ASEAN mendepani isu tersebut?

- A Menyertai Sidang Kemuncak Bumi
- B Membentuk Simpanan Beras Kecemasan
- C Mengawal Skim Keutamaan Perdagangan
- D Mengeluarkan Deklarasi Agenda 21

KERTAS SOALAN TAMAT